

25/07/1997

Menghargai ulama ejen perubahan

Abdurrahman Haqqi

ADA tiga rangkap syair Arab yang mungkin membuat ramai orang 'cemburu' terhadap ulama. Dalam bahasa Melayu, ketiga-tiga rangkap itu berbunyi:

Tiada kebanggaan
kecuali
kebanggaan ulama
kerana
mereka bagi pencari hidayah
pembimbing
mereka musuh turun temurun
para jahil
manusia semua bak mayat
terkapar
yang hidup hanyalah ulama

Dahsyat bukan? Ia juga disokong oleh kesaksian al-Quran (QS. Ali Imran: 18, al-Fatir: 28, az-Zumar: 9 dan al-Mujadalah: 11) dan banyak hadis, antaranya hadis yang menyatakan semua makhluk hingga ikan paus di laut mendoakan ulama kerana reda dengan apa yang mereka lakukan untuk manusia sebagai muallimunan-naasa khairan (mengajarkan manusia kebaikan) (HR. Bukhari & Muslim).

Kita memang yakin sejak awal lagi ulama adalah pewaris Nabi. Ulama Islam mewarisi visi dan misi Nabi Muhammad untuk pencerahan iman, Islam dan ihsan umat agar mereka dapat hidup sempurna, aman, damai dan penuh maruah. Dalam sejarah Islam, mereka menjalankan amanah Nabi.

Mereka adalah penafsir al-Quran dan as-Sunnah yang menghasilkan rumusan dan bahasa sistematik mengenai agama. Mereka pun mencipta body of knowledge keagamaan menerusi tulisan mereka yang dengannya pendidikan dan pengajaran daripada generasi ke generasi dilangsungkan kesinambungan penyampaiannya.

Hal itu membawa kepada terciptanya body of society yang celik ilmu dan pengetahuan sehingga terbina suatu masyarakat madani yang disegani dan berwibawa.

Bentuk ulama yang kita sebutkan di atas adalah ulama dinamik dengan pengertian ulama bertenaga dan berkekuatan serta mampu membuat penyesuaian serta membabitkan pembaharuan dan perubahan yang mengarah kepada kemajuan dan kejayaan duniawi dengan tidak mengetepikan kemajuan dan kejayaan abadi ukhrawi.

Ulama dinamik adalah ejen perubahan umat. Di atas pundak mereka terletak tanggungjawab mulia ini.

Tanggungjawab yang pernah dipikul dan dilaksanakan dengan jayanya oleh Rasulullah.

Baginda dengan visi dan misi Islamnya mengubah masyarakat Jahiliyah menjadi masyarakat madani yang terulung dan terbaik dalam sejarah tamadun manusia sejagat.

Bagaimana dengan sejarah Malaysia moden sebagai salah satu komponen sejarah umat Islam dan juga tamadun dunia moden secara amnya? Di manakah peranan ulama sebagai ejen perubahan seperti yang diinginkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas cuti sambil bekerja selama dua bulan?

Dua bulan dengan menyerahkan kepercayaan sepenuhnya kepada Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerajui negara dengan jayanya adalah waktu yang lebih daripada cukup untuk `membersihkan' sikit `sampah sarap' yang ada

dalam otak supaya dapat berfikir semula.

Apabila kita tengok sesuatu dari dekat, kadang-kala kita tidak berapa nampak. Orang kata you miss the forest for the tree.

Untuk meramal dan turut serta dalam perubahan itu adalah langkah yang tepat pada masanya bagi Pusat Khidmat Masyarakat dan Pendidikan Lanjutan (Conserve) Universiti Islam Antarabangsa (UIA) yang bekerjasama dengan Pusat Kajian Kepimpinan dan Pembangunan (Celdes) menganjurkan Kongres Kebangsaan Dinamisme Ulama Menghadapi Abad Baru. Kongres tiga hari itu akan diadakan di Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) dekat Kuala Lumpur dimula hari ini hingga Ahad.

Kongres yang akan membahas kertas kerja yang disiapkan ulama Malaysia dan Indonesia bertujuan mengenal pasti fungsi yang lebih berkesan di kalangan ulama dalam menghadapi pasca modenisme; mendedahkan ulama kepada cabaran ideologi dalam membentuk arah tuju kepemimpinan yang bersepadu dan membina era baru dinamisme ulama yang lebih berdaya maju.

Selepas kongres itu, IkimM juga dengan kerjasama Ikatan Cendekiawan Muslim se-Indonesia (ICMI) akan menganjurkan seminar serantau fungsi ulama pada Ogos depan yang juga akan membahas buah fikiran ulama kedua-dua negara.

Jadi, nyatalah kesedaran untuk mencari dan mempersiapkan ulama yang dinamik sangat dirasai oleh umat Islam Malaysia dalam sejarah modenya.

Ia adalah harapan terpendam masyarakat dan harapan terbuka pemimpin yang menginginkan fungsi ulama lebih terserlah dalam membawa Malaysia moden ke arah persaingan global yang tidak mengenal belas kasih.

Yang kuat akan menang manakala yang lemah akan tetap menjadi budak suruhan yang kuat kalau tidak menjadi hambanya yang sebenar.

Sebahagian daripada sifat ulama dinamik adalah - meminjam penjelasan Imam al-Ghazali (w. 504H) dalam Ihyanya - mereka yang tidak memperalat ilmu untuk mengajar kemewahan duniawi; perkataan mereka serupa amalan mereka; menyuburkan ilmu dan amalannya yang membawa ke akhirat bukannya untuk debat kecuali jika diperlukan; hidup sederhana berwawasan tinggi; mendampingi pihak penguasa demi kebaikan agama bukan untuk mencari keduniaan; mereka berfatwa dengan penuh amanah dan benar-benar berdasarkan nas; lebih mementingkan ilmu mengenai gerak hati, mujahadah dan muraqabah; mementingkan ilmu yang menambah keyakinan; wajah mereka memancarkan kesedaran bahawa mereka paling prihatin mengenai agama dan kesedaran beragama.

Ibnu Abbas meriwayatkan: "Dua golongan manusia yang apabila mereka itu baik, maka baiklah manusia lain, dan bila mereka itu rosak, maka rosaklah manusia lain. Mereka itu ulama dan umara."

(END)